

TAKTIK KOTOR DIDEDDAH

JOHOR BAHRU, Selasa — Terdapat di kalangan pemimpin UMNO menggunakan taktik kotor dalam keghairahan merebut kuasa dalam parti, demikian didedahkan oleh Ketua Penerangan UMNO Malaysia, Datuk Haji Embong Yahya di sini hari ini.

"Ini kerana kebetulan tahun pemilihan pucuk pimpinan UMNO serentak dengan tahun pilihanraya," kata Datuk Embong yang juga Timbalan Menteri Penerangan.

Menurutnya, ada di antara ahli-ahli UMNO menyangka sesiapa yang terpilih menduduki jawatan tinggi parti berpeluang mencapai kepentingan peribadi.

"Mereka merasakan dengan menduduki jawatan-jawatan penting, peluang untuk menjadi

calon atau membuat harta dengan menggunakan parti adalah cerah.

"Kerana keghairahan ini, mereka sanggup menggunakan apa cara saja termasuk cara tak sihat untuk mencapai maksud, dan ini juga mengakibatkan berlakunya beberapa kekecohan di mesyuarat-mesyuarat UMNO baru-baru ini," kata Timbalan Menteri Penerangan itu.

Tak jejas

Bagaimanapun, kata Datuk Embong, kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Musa Hitam tidak begitu mudah untuk dikellrukan.

"Kepimpinan tersebut amat mengetahui siapa pemimpin tulen dan siapa yang bukan. Lagipun dengan kecergasan Biro Siasatan Negara dan perintah mengisytiharkan harta, para pemimpin

yang mementingkan diri sendiri tidak akan selamat," tegas Datuk Embong.

Beliau berkata, kekecohan hanya berlaku dalam beberapa mesyuarat UMNO yang tidak langsung menjejaskan kekuatan parti secara menyeluruh.

"Kekecohan itu juga menunjukkan betapa ahli-ahli UMNO kini telah insaf dan memahami pergolakan yang berlaku. Saingan yang ada walaupun menimbulkan kegiatan tidak sihat, adalah sihat kerana ia menunjukkan para ahli mengikuti perkembangan parti secara aktif," katanya.

Datuk Haji Embong juga mendedahkan kegiatan sebuah pertubuhan Islam yang mempunyai hubungan antarabangsa dipercayai sedang berusaha mempengaruhi rakyat men-

jauhi pilihanraya akan datang.

Dalam satu majlis dakwah anjuran pertubuhan itu di Kelang baru-baru ini, beberapa penceramah luar negeri dipanggil untuk berceramah, pertubuhan itu dikatakan menyebut bahawa umat Islam sejati tidak boleh mencampuri politik.

"Pegangan pertubuhan itu ialah umat Islam harus menumpukan masa kepada melakukan amal ibadat saja dan tidak boleh berpolitik.

Mengawasi

"Pilihanraya adalah sebahagian dari politik dan menyuruh umat Islam menjauhi politik adalah sama juga menyuruh umat Islam supaya jangan membuang undi," kata Datuk Embong.

Katanya, kerajaan memandang serius perkara itu dan Kementerian Dalam Negeri sedang mengawasi kegiatan pertubuhan tersebut.

Bellau seterusnya menyatakan, RTM tidak akan menyiarkan sebarang perbincangan terbuka di antara para pemimpin politik termasuk dari pihak pembangkang di radio mahupun di televisyen kerana takut akan lahir kata-kata sensitif yang boleh menimbulkan huru-hara.

Rapat umum politik juga telah dibatalkan kerana sebab yang sama.

"Kita tidak mahu berlaku 'kerana pulut santan binasa, kerana mulut negara binasa,'" kata Datuk Embong.

Bagaimanapun ceramah dari rumah ke rumah akan dibenarkan.